

Isu kekurangan kemudahan penginapan politeknik diberi perhatian - Zambry

• Oleh Bernama- 23 julai , 2026 @ 02:45 pm



Zambry semasa berucap pada perasmian Forum Presiden MQA (Universiti) 2026 yang bertemakan "RPTM 2026-2035: Mencorak Masa Depan Pendidikan Tinggi Malaysia dalam Era Transformasi Global" di sini hari ini. - Gambar Bernama

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memberi jaminan bahawa isu kekurangan kemudahan penginapan di beberapa politeknik susulan peningkatan mendadak permohonan kemasukan pelajar akan diberi perhatian dan tindakan segera. Menteri, Datuk Seri Dr. Zambry Abd Kadir menjelaskan bahawa lonjakan ketara permohonan itu merupakan perkembangan positif hasil usaha kerajaan menggalakkan lebih ramai lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memilih bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Walau bagaimanapun, peningkatan kemasukan tersebut telah menyebabkan beberapa politeknik, terutamanya yang mempunyai bangunan asrama lama, berdepan kekangan kapasiti dan memerlukan penyelenggaraan. Sehubungan itu, KPT telah memohon peruntukan khusus daripada kerajaan bagi melaksanakan kerja-kerja baik pulih serta menaik taraf struktur asrama yang uzur demi memastikan kebajikan dan keselesaan para penuntut terus terpelihara.